



**TIMBALAN KETUA PENGARAH  
PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-88853002  
Faks : 03-88892639  
E-mel : farida@jpa.gov.my  
Web : <http://www.jpa.gov.my>



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008  
NO. SIJIL : MY-AR : 4697

**Ruj. Kami : JPA.BK174/2/19Jld.5( 45 )**  
**Tarikh : 14** Disember 2012

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan**

Tuan/ Puan,

**PELANJUTAN TEMPOH PERKHIDMATAN PEGAWAI  
WARGANEGARA YANG DILANTIK SECARA *CONTRACT OF  
SERVICE* DAN *CONTRACT FOR SERVICE***

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan supaya tempoh perkhidmatan semua pegawai lantikan *Contract of Service* dan *Contract for Service* warganegara yang sedang berkhidmat tetapi akan tamat perkhidmatan kontraknya pada Disember 2012 hingga 30 Jun 2013, dilanjutkan tempoh kontrak sehingga 31 Disember 2013 atau tarikh lain selepas 31 Disember 2013 mengikut keperluan, tertakluk pegawai mencapai prestasi yang ditetapkan dan diperakukan oleh Ketua Jabatan. Dari segi pelaksanaan, prosedur pelanjutan tempoh kontrak adalah berdasarkan peraturan sedia ada yang berkuat kuasa.

3. Sebagai makluman tuan/ puan, keputusan ini tidak melibatkan pegawai *Contract for Service* di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi



yang telah dijelaskan melalui Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh  
12 November 2012.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**( DATUK FARIDA MOHD ALI )**  
**Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (P)**  
**b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**  
**MALAYSIA**

s.k.:

**Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri**  
**Semua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun**  
**(Persekutuan Dan Negeri)**  
**Semua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan**